



Hasnol (tengah) bersama Sawney (kanan) pada sidang media selepas pelancaran Kempen Menghalalkan & Melindungi di Kuala Lumpur, semalam.  
(Foto Saifullizan Tamadi/BH)

## Syarikat guna perisian cetak rompak berisiko serangan siber

**Syarikat** yang menggunakan perisian cetak rompak atau tidak berlesen berisiko tinggi mendapat serangan siber yang boleh membebankan mereka dengan kos RM10.2 juta dan mengambil masa 50 hari untuk diselesaikan.

Pengarah Kanan BSA I The Software Alliance, Asia Pasifik (BSA), Tarun Sawney, berkata kos berdepan dengan 'malware' berkaitan perisian tidak berlesen atau cetak rompak semakin meningkat, apabila kini membabitkan kos lebih RM42,000 untuk setiap komputer yang mendapat serangan virus.

Beliau berkata, berdasarkan Kaji Selidik Perisian BSA Global pada Jun 2018, organisasi kini berdepan satu daripada tiga peluang untuk berdepan 'malware' apabila mereka menggunakan

pakej perisian tidak berlesen atau membeli komputer dengan perisian tidak berlesen.

"Dengan kadar 15 peratus penggunaan perisian cetak rompak, Malaysia tidak terkecuali berisiko serangan siber. Justeru, adalah kritikal untuk syarikat Malaysia mengambil langkah menghalalkan penggunaan perisian mereka dan mengambil langkah untuk melindungi perniagaan mereka daripada serangan siber," katanya.

Beliau berkata demikian pada pelancaran Kempen Menghalalkan & Melindungi yang dilaksanakan oleh BSA dan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) di Kuala Lumpur, semalam.

Yang turut hadir, Ketua Setiausaha KPDNHEP, Da-

tuk Seri Hasnol Zam Zam Ahmad.

Kempen Menghalalkan & Melindungi itu dilancarkan untuk menggalakkan syarikat mendapatkan lesen sah secara sukarela bagi aset perisian sebelum mereka dikenakan tindakan penguatkuasaan oleh kerajaan.

Ia juga menyasarkan mencapai 10,000 perniagaan, terutama syarikat perusahaan kecil dan sederhana (PKS) menggunakan perisian yang sah dan berdaftar.

Sebagai sebahagian daripada kempen, BSA akan menghantar notis kepada syarikat dengan memaklumkan mengenai risiko operasi, undang-undang, keselamatan dan reputasi sekiranya mereka menggunakan perisian cetak rompak.